

21 JUN 2001

Umno-Usul

PEMUDA UMNO BIMBANG BERLAKU ROBOHAN DARI DALAM PARTI

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno mahu anggota parti berhenti daripada mengkritik sesama sendiri secara terbuka dan mendedahkan masalah dalaman parti.

Wakil Pemuda Dr Zambry Abdul Kadir berkata perbuatan itu boleh melemahkan Umno dari dalam.

"Pemuda bimbang dengan keadaan ini, kerana jika tidak dihadapi sebaik-baiknya, Pemuda bimbang akan berlaku robohan dari dalam parti," katanya semasa membentangkan usul membahaskan ucapan Dasar Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Bagaimanapun katanya adalah tidak salah sekiranya dalam keadaan tertentu seperti pada perhimpunan agung, anggota mahu berkongsi pengalaman, tetapi biarlah ianya ada sempadan.

Selain itu Zambry berkata Pemuda juga berasa bimbang akan kehilangan budaya menghormati pemimpin berikutan ada yang bersikap suka bercakap dan bertindak di belakang.

Perkara itu katanya, telahpun berlaku di negara jiran apabila para pemimpin negara itu diperolok-olokkan oleh rakyat jelata.

"Bila hilang hormat kepada pemimpin, macam-macam boleh berlaku. Oleh sebab itu kita perlu mempunyai pemimpin dan pengikut yang baik," katanya.

Zambry berkata demikian ketika menggariskan tiga pra-syarat bagi membantu menentukan hala tuju dan masa depan bangsa Melayu iaitu mengukuhkan organisasi parti, mempunyai pemimpin dan pengikut yang baik, dan bangsa Melayu harus melihat serta mengkaji semula sejarah bangsa.

Pemuda juga menggesa bangsa Melayu, khususnya anggota Umno, agar melihat semula sejarah bangsa dan menjadikannya sebagai iktibar.

Ia kerana walaupun sejarah itu tidak akan berulang, bangsa Melayu boleh belajar untuk tidak mengulangi sikap yang sama sewaktu sejarah itu terjadi, katanya.

Pemuda juga meminta orang Melayu supaya berhenti daripada menyalahkan bangsa sendiri dan Umno khususnya, terhadap masalah yang menimpa bangsa Melayu dan Umno sekarang.

Sebaliknya orang Melayu harus bersama-sama melihat dalam diri sendiri, katanya.

Sementara itu wakil Umno Sabah yang menyokong usul berkenaan berkata Umno perlu mengubah strategi dan tindakannya mengikut kesesuaian masa dalam usaha mengelakkan parti tonggak negara ini terus mengalami kemerosotan sokongan dan pengaruh.

Bung Moktar Radin berkata Umno perlu menerima hakikat mengenai pelbagai kemelut politik yang berlaku dalam parti berikutan perubahan persepsi orang Melayu.

"Umno hari ini dilihat sudah tidak lagi "mesra Melayu", Umno dilabelkan dengan pelbagai imej yang sungguh menggerunkan orang Melayu sendiri. Umno sudah dianggap tidak lagi relevan untuk bercakap soal perjuangan bangsa, agama dan negara," katanya.

Ketua Umno Bahagian Kinabatangan itu berkata adalah penting bagi Umno mengambil tindakan penjajaran semula, rekayasa serta pembaharuan hala tuju.

Kelemahan itu perlu diperbaiki segera untuk memantapkan lagi Umno dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang yang dianggap sebagai tempoh penting menentukan "survival" Umno, katanya.

Ini kerana beliau mengingatkan bahawa Umno bukan sahaja berdepan dengan

pembangkok, tetapi mempunyai musuh dari kalangan orang Melayu, yang pernah sama-sama mendokong perjuangan parti itu sebelum ini.

"Kita sedang diserang dari segenap penjuru, tidak keterlaluan kalau dikatakan untung nasib Umno hari ini tidak ubah seperti "telur di hujung tanduk", katanya.

Bung Moktar juga berkata sistem kuota pemilihan yang bertujuan memelihara keutuhan parti telah mencetuskan kekalutan baru dalam Umno dan ada yang menganggap ia seperti "membunuh demokrasi" dalam pemilihan parti dan menyebabkan timbul persaingan sesama anggota.

"Ternyata sistem kuota itu adalah senjata paling berbahaya dan dikhuatiri boleh membunuh Umno sendiri... soalnya apakah sistem kuota ini sesuai untuk dipraktikan," katanya.

Katanya Lembaga Disiplin Umno yang bertindak sebagai badan bebas membanteras politik wang, perlu telus dari segi pelaksanaan pertuduhan dan hukuman bagi mengelak sebarang prasangka buruk.

-- BERNAMA
RZS AZZ RON